

**KERANGKA PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL BELAJAR CARA BELAJAR
BAHASA MELAYU PELAJAR ASING INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

**Fa'izah Abd.Manan
Mohamed Amin Embi
Zamri Mahamod**

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Abstrak

Demi memartabatkan bahasa Melayu dan memantapkan sistem pendidikan BM di IPT, satu reformasi atau perubahan dalam sistem pendidikan BM di IPT telah dilakukan. Bahasa Melayu yang dahulunya hanya diajarkan dan dipelajari oleh pelajar warganegara tempatan, telah diperkenalkan kepada pelajar asing sebagai satu mata pelajaran wajib. Pelbagai isu telah dibangkitkan. Antara isu yang sering dibincangkan ialah kebanyakan pelajar asing yang mengikuti kursus Bahasa Melayu di IPT menghadapi masalah dan lemah dalam menguasai kemahiran berbahasa Melayu yang dipelajari dalam tempoh masa yang singkat. Kelemahan ini secara langsung menjelaskan kelancaran pengajian dan pencapaian akademik mereka secara keseluruhannya. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang pembentukan kerangka pembangunan dan penilaian Modul Belajar-Cara-Belajar Bahasa Melayu (Modul BCB BM PA) di IPT Malaysia. Kerangka ini dibina berdasarkan langkah-langkah reka bentuk instruksi yang diubah suai daripada Model ADDIE yang terdiri daripada lima fasa utama, iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Secara keseluruhan, kerangka ini memperjelaskan mengenai langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk membangun dan menilai Modul BCB BM PA yang bertujuan untuk meningkatkan strategi atau teknik belajar BM dalam kalangan pelajar asing di IPT di Malaysia dalam lima kemahiran berbahasa Melayu, iaitu mendengar, membaca, bertutur, menulis dan kosa kata.

Kata kunci: bahasa Melayu, strategi pembelajaran bahasa, pengajaran strategi pembelajaran bahasa, latihan pengajaran strategi pembelajaran bahasa, belajar-cara-belajar

A FRAMEWORK FOR THE DEVELOPMENT AND EVALUATION OF A MODULE ON LEARNING HOW-TO-LEARN BAHASA MELAYU FOR FOREIGN STUDENTS IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS IN MALAYSIA

Abstract

As a means of safeguarding the sovereignty of the education of Bahasa Melayu (BM) and to strengthen the Higher Education Institutions (HEIs), a marked change or reformation was carried out in the BM education system. BM which was once taught only to local students has now been introduced to foreign students as a compulsory subject. Various issues were brought up. Among those often discussed are that a majority of the foreign students taking BM courses in HEIs face various problems and are weak in acquiring the language skills taught to them within such a short period of time. This weakness directly affects their studies and academic achievement as a whole. Thus, this article aims to discuss the design of a framework for the development and evaluation of a module on Learning-how-to-Learn Bahasa Melayu for foreign students in Malaysian HEIs. This framework was built based on the phases in instructional design which was adapted from the ADDIE Model consisting of five major phases; analysis, design, development, implementation and evaluation. In general, the framework explains the phases which can be implemented to design and evaluate BCB BM PA Module which aims to increase the use of strategies or techniques of learning BM among foreign students in Malaysians HEIs in terms of the five skills of BM learning; listening, reading, speaking, writing and vocabulary.

Key words: Malay language, language learning strategies, language learning strategies instruction , learner training, learning-how-to learn

PENGENALAN

Sistem pendidikan BM di IPT di Malaysia telah mengalami satu anjakan paradigma yang agak ketara sejak lebih sedekad yang lalu. Anjakan ini berlaku adalah disebabkan oleh kebanjiran semakin ramai pelajar asing yang melanjutkan pengajian di IPT di sini. Contohnya, peningkatan bilangan pelajar asing yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) pada tahun 2008 telah meningkat kepada 50, 679 orang berbanding hanya 47, 928 pada tahun 2007, begitu juga dengan peningkatan kepada 44, 390 orang pada tahun 2006 daripada 40, 525 orang pada tahun 2005 (Perangkaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2008). Peningkatan bilangan pelajar asing yang begitu ketara ini pada setiap tahun, secara langsung telah mencetuskan perubahan yang menyebabkan satu rombakan telah dilakukan dalam sistem pendidikan BM di IPT di Malaysia. Apa yang dimaksudkan dengan rombakan tersebut adalah perubahan yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran BM di IPT yang dahulunya hanya diajarkan dan dipelajari oleh warganegara tempatan, telahpun diperkenalkan kepada pelajar asing (pelajar bukan warganegara) sebagai satu mata pelajaran wajib. Dalam konteks ini BM yang diperkenalkan kepada pelajar asing di IPT di Malaysia lebih dikenali sebagai BM sebagai bahasa asing (BMSBA).

Perubahan yang dilakukan itu didapati sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berkeinginan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Dasar yang diperkenalkan itu telah menjadi sebahagian daripada pelaksanaan untuk menarik lebih ramai pelajar asing dari seluruh dunia untuk melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang di Malaysia. Perubahan ini juga merupakan sebahagian daripada hala tuju Wawasan 2020 yang bermatlamat untuk

menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Namun demikian, dasar yang diperkenalkan tersebut telah memberikan implikasi yang besar terhadap sistem pendidikan di Malaysia secara beransur-ansur khususnya terhadap pendidikan BM di IPT.

PENDIDIKAN BAHASA MELAYU UNTUK PELAJAR ASING

BM ialah bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan dan juga merupakan bahasa perhubungan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. BM juga berperanan sebagai bahasa pengantar ilmu sebagaimana yang diwartakan dalam Akta Pendidikan 1961. Bagaimanapun, mulai tahun 1996 berikut dengan peningkatan bilangan dan permintaan yang tinggi dalam kalangan pelajar asing yang melanjutkan pengajian di kebanyakan IPT di Malaysia, KPM telah meminda akta tersebut dan menggantikannya dengan Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Isahak 1999). Apa yang lebih penting, tujuan kedua-dua akta tersebut diperkenalkan bukan sahaja untuk memartabatkan BM, malahan juga untuk memantapkan sistem pendidikan BM terutamanya di IPT di Malaysia. Bertitik tolak daripada itu, kedua-dua akta tersebut secara langsung telah mempengaruhi pendidikan BM di semua IPT di Malaysia, termasuklah di institusi-institusi yang tidak tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (Awang 2004).

Sebagai mematuhi syarat yang termaktub dalam akta tersebut, kebanyakan IPT di Malaysia telah mewajibkan pelajar asing yang menuntut di IPT tersebut mengikuti kursus BM dalam tempoh pengajian mereka dan wajib lulus. Dalam hal ini, pelajar asing tidak mempunyai pilihan lain kerana mengikuti kursus BM dan mempelajari BM adalah sebagai prasyarat untuk lulus dalam pengajian. Namun begitu, pada masa yang sama mereka juga perlu mempelajari BM untuk kelangsungan hidup atau ‘survival’ dalam kalangan masyarakat di Malaysia terutamanya masyarakat Melayu. Dalam hal ini, boleh dikatakan bahawa BM yang dipelajari adalah ibarat “serampang dua mata” yang bukan sahaja memerlukan mereka mempelajari BM untuk meneruskan pengajian, malahan menguasai BM yang dipelajari itu untuk berinteraksi dengan masyarakat di Malaysia.

OBJEKTIF DAN MATLAMAT SUKATAN PELAJARAN

Menyedari akan kepentingan pendidikan BM kepada pelajar asing di IPT di Malaysia, Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang kini lebih dikenali sebagai Agensi Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualifications Agencies (MQA) telah membentuk Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan yang dikhurasukan kepada pelajar asing. Antara matlamat dan objektif pendidikan BM yang ditawarkan kepada pelajar asing di IPT di Malaysia adalah untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran asas berbahasa Melayu. Adalah diharapkan kemahiran asas ini dapat digunakan bagi melahirkan idea dan perasaan secara lisan dan penulisan berdasarkan matlamat yang digariskan berikut.

- i. Mengetahui sistem bunyi, sistem ejaan rumi, kosa kata dan tatabahasa Melayu;
- ii. Boleh mendengar dan memahami pertuturan dalam pelbagai situasi harian;
- iii. Boleh bertutur dalam pelbagai situasi harian;
- iv. Boleh membaca dan memahami bahan-bahan bacaan yang mudah; dan
- v. Boleh melahirkan idea dan perasaan secara lisan dan tulisan.

(Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan,
Agenzi Kelayakan Malaysia, 2005: 11)

Apabila diperhalusi dan diteliti akan objektif dan matlamat tersebut, jelas menunjukkan bahawa pendidikan BM kepada pelajar asing di IPT di Malaysia telah memaparkan cakupan yang mencukupi bagi membolehkan mereka memahami dan menguasai BM secara asasnya dengan baik. Pendidikan BM yang diberikan ini bukanlah untuk menjadikan pelajar asing tersebut fasih bertutur dalam BM sebagaimana kefasihan penutur natif berbahasa Melayu di Malaysia. Penekanan yang diberikan hanyalah supaya pelajar asing yang mempelajari BM dapat memahami BM untuk membolehkan mereka mendengar dan memahami ujaran, serta menulis untuk menyampaikan maklumat ringkas. Di samping itu, pelajar asing ini juga diharapkan dapat bertutur dengan cara yang mudah untuk berinteraksi serta menyesuaikan diri dengan masyarakat dan budaya di Malaysia dengan sebaiknya dan berkesan. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang sering dibangkitkan apabila membincarakan tentang pendidikan BM kepada pelajar asing di IPT di Malaysia. Isu-isu ini seringkali dibincangkan, namun begitu sehingga kini kaedah atau metode yang sesuai dan berkesan masih lagi belum ditemui untuk mencari jalan penyelesaiannya.

ISU-ISU DALAM PENDIDIKAN BAHASA MELAYU PELAJAR ASING

Isu utama yang menjadi pokok perbincangan dalam kalangan pengkaji BM pelajar asing di Malaysia adalah kebanyakannya mereka yang mengikuti kursus Bahasa Melayu di IPT menghadapi pelbagai masalah, lemah dan gagal menguasai kemahiran berbahasa Melayu dalam tempoh yang ditetapkan. Kajian Fa'izah et al. (2009) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), umpamanya mendapati daripada sejumlah 926 pelajar asing yang mengikuti kursus BM dari tahun 2005 hingga tahun 2009, didapati 365 orang (31.2%) daripadanya berada dalam kategori lemah dan gagal dalam menguasai kemahiran berbahasa Melayu. Juriah et al. (2001) dalam kajiannya di tiga zon (tengah, utara dan selatan) Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pula mendapati, daripada 120 pelajar asing yang dikaji, sebahagian besarnya tidak dapat menguasai keempat-empat kemahiran berbahasa (bertutur, mendengar, membaca, menulis) dan tatabahasa dengan sepenuhnya. Mereka hanya lebih baik dalam kemahiran mendengar dan membaca tetapi lemah dalam aspek tatabahasa dan kosa kata serta bertutur.

Kajian Marzalina (2005) di Universiti Putra Malaysia (UPM) turut mendapati kebanyakannya pelajar asing yang mengikuti kursus Bahasa Melayu tidak mampu menguasai BM yang dipelajari dengan sebaiknya. Manakala Rusdi (2001), juga mendapati sebahagian besar pelajar asing yang mengikuti kursus BM Tahap II di UKM masih lemah dalam kemahiran menulis, sedangkan mereka telah mempelajarinya dalam kursus BM Tahap I. Menurut Rusdi kelemahan pelajar tersebut dalam kemahiran menulis adalah disebabkan mereka masih tidak dapat menguasai kemahiran asas berbahasa Melayu yang lain (mendengar, membaca, bertutur) dengan baik.

Dapatan kajian tersebut secara jelas menggambarkan bahawa pelajar asing yang mempelajari BM di kebanyakan IPT di Malaysia masih belum dapat menguasai kemahiran berbahasa Melayu dengan baik sebagaimana yang diharapkan.

Adakah kelemahan dan kegagalan pelajar asing tersebut berkait rapat dengan kaedah pengajaran yang diamalkan? Hal ini kerana (Asmah 2003; Fa'izah et al. 2009; Marzalina 2005) mendapati dikebanyakan IPT, kaedah pengajaran BM kepada pelajar asing masih lagi menggunakan kaedah konvensional yang berpusatkan guru. Namun begitu, kaedah tersebut hanya dianggap berjaya dan boleh ditentukan sebagai kaedah pengajaran yang berkesan setelah dilakukan pemeringkatan dan pengelompokan tentang tujuan dan keperluan pelajar asing yang mempelajari BM (Awang 2006) sebelum pengajaran dimulakan. Realitinya, pelajar asing yang mempelajari BM di IPT, belajar di dalam sebuah bilik darjah yang besar dengan pelbagai latar belakang pelajar yang berbeza. Keadaan ini secara langsung menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang kurang sesuai dengan pelajar sasaran sememangnya mempengaruhi pembelajaran dan penguasaan bahasa yang dipelajari itu.

Isu lain yang perlu diberikan perhatian dalam membincangkan pendidikan BM pelajar asing ialah berkaitan kesukaran mempelajari BM yang disebabkan oleh faktor-faktor lain. Gusdi (2005), dalam kajiannya terhadap penutur asing yang mempunyai latar belakang bahasa Arab (BA) sebagai bahasa pertama, mendapati mereka menghadapi kesukaran mempelajari BM terutamanya daripada aspek kebahasaan kerana kedua-dua bahasa berasal daripada dua rumpun bahasa yang berbeza. Tambahan pula, beberapa pengkaji BM di Malaysia dan Barat sependapat menyatakan bahawa BM sememangnya bahasa yang sukar untuk dikuasai sebagai bahasa kedua/asing sekiranya pelajar yang mempelajarinya tidak berminat dan kurang menunjukkan keyakinan, tiada kemauhan, serta motivasi terhadap BM yang dipelajari tersebut (Jyh Wee Sew 2005; Metzger 2009; Pogadev 2005). Situasi ini menunjukkan bahawa faktor kesukaran dalam mempelajari BM yang pelbagai sifatnya secara langsung memberi kesan terhadap pembelajaran dan penguasaan bahasa pelajar.

Berdasarkan isu-isu tersebut, persoalannya bagaimanakah pelajar asing yang mengikuti kursus BM di IPT ini dapat dibantu untuk mempertingkatkan teknik pembelajaran BM bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran berbahasa Melayu dengan sebaiknya? Oleh itu, sewajarnya kaedah pengajaran yang lebih praktikal perlu diperkenalkan bagi membantu pelajar asing yang mempelajari BM belajar dengan lebih mudah, cepat dan berkesan. Hal ini amat penting untuk difikirkan kerana kegagalan pelajar asing dalam kursus BM boleh menjelaskan kelancaran pengajian dan pencapaian akademik mereka secara keseluruhannya.

Bagi menangani hal sedemikian, penulis berpendapat satu pendekatan kaedah pengajaran yang menggunakan strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang terancang dan berpusatkan pelajar amat penting dipraktikkan sebagai alternatif bagi membantu menyelesaikan masalah tersebut, sekaligus melancarkan proses pembelajaran. Hal ini kerana beberapa kajian SPB telah berjaya membuktikan bahawa SPB merupakan antara elemen yang sangat penting dalam memahami proses dan kaedah bagaimana bahasa kedua/asing dipelajari (Ellis 1994; Oxford 1990). Tambahan pula, suatu pemerhatian biasa dalam pembelajaran bahasa mendapati pelajar yang sentiasa berjaya dan menggunakan SPB didapati kemajuannya adalah lebih cepat, mudah menguasai perkataan atau ayat baru dan sering mencapai keputusan yang baik dalam ujian bahasa (Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2010).

STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA

Strategi pembelajaran bahasa (SPB) dalam konteks bahasa kedua/asing bermaksud tingkah laku, langkah, operasi atau teknik yang digunakan pelajar untuk membantu menguasai, menyimpan, mendapatkan semula dan menggunakan pengetahuan atau maklumat yang dipelajari semasa mempelajari sesuatu bahasa (Oxford 1990; Wharton 2000). Cohen (1999) pula berpendapat bahawa SPB adalah fikiran secara sedar dan tingkah laku yang digunakan pelajar dengan matlamat yang jelas untuk memperbaiki pengetahuan dan pemahaman terhadap bahasa sasaran. Manakala Mohamed Amin (2000) menyatakan SPB adalah langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh pelajar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan semula dan penggunaan maklumat sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih kendiri, lebih aktif dan senang dipindahkan ke suasana baru.

Analisis literatur mengenai SPB telah menunjukkan kesan positif hasil penggunaan SPB terhadap pencapaian pembelajaran dan penguasaan bahasa pelajar. Beberapa kajian SPB mendapati pelajar cemerlang bahasa (PCB) lebih cekap dan lebih banyak menggunakan SPB semasa mempelajari bahasa berbanding dengan pelajar lemah bahasa (PLB) (Bruen 2001; Wharton 2000; Zamri 2004). Apa yang menarik, hasil daripada kajian beberapa penyelidik SPB lain (Logan & Moore 2004; Rivera-Mills & Plonsky 2007; Woodrow 2005) pula, mendapati bahawa SPB boleh dan mudah dipindahkan serta diajarkan kepada pelajar bahasa yang lain. Menurut mereka, strategi yang digunakan PCB boleh ditunjukkan kepada PLB. Ini bermakna, PLB dapat meningkatkan kecekapan dalam bahasa yang baru dipelajari melalui latihan menggunakan strategi pembelajaran yang digunakan PCB. Kaedah ini dikenali sebagai pengajaran strategi pembelajaran bahasa (PSPB)

PENGAJARAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA

Pengajaran strategi pembelajaran bahasa (PSPB) adalah merujuk kepada “belajar-cara-belajar” atau program pengajaran, latihan belajar SPB yang turut dikenali sebagai “strategi training”, “learner training”, learning to learn training”, dan “instruction in learning strategy” (Brown 2002; Macaro 2001; O’Malley & Chamot 1990; Oxford 1990). Ringkasnya, “belajar-cara-belajar” juga bermaksud proses untuk memperoleh teknik belajar yang boleh digunakan pelajar sama ada bersama guru atau tanpa guru (KPM 2001).

Menurut Oxford (2002) kesedaran dan kemahiran menggunakan strategi dan pembelajaran kendiri dalam kalangan PLB akan dapat dipertingkatkan dengan menjalani latihan belajar-cara-belajar. Melalui latihan belajar-cara-belajar ini juga pelajar yang lebih berjaya turut dapat disediakan dengan peluang untuk memperkemaskan dan mengembangkan lagi SPB mereka supaya menjadi pelajar bahasa yang lebih cemerlang (Mohamed Amin 1998). Sejajar dengan itu, (Liang 2009) menyimpulkan bahawa PSPB telah mendedahkan kepada guru untuk menyediakan peluang belajar-cara-belajar secara lebih amali untuk mempertingkatkan strategi atau teknik pembelajaran bahasa pelajar masing-masing.

Dalam konteks pendidikan BM kepada pelajar asing di IPT di Malaysia, PSPB ialah latihan belajar-cara-belajar yang diajar dan dipelajari oleh pelajar asing semasa belajar BM. Tujuannya adalah untuk mempertingkatkan teknik pembelajaran bahasa pelajar ke arah lebih kendiri, aktif dan mampu menguasai kemahiran berbahasa Melayu dengan lebih mudah, cepat dan berkesan. Selain itu, gagasan belajar-cara-belajar ini didapati seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang melihat pendidikan sebagai usaha sepanjang hayat (KPM 2001). Oleh itu, sekiranya pelajar asing ini diharapkan bukan sahaja berjaya dalam pembelajaran bahasa di bilik darjah, malahan meneruskan pembelajaran

bahasa mereka di luar bilik darjah atau selepas tamat mengikuti kursus BM, mereka seharusnya diberikan latihan belajar-cara-belajar untuk lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran masing-masing.

Berdasarkan kepada keperluan menyediakan peluang belajar-cara-belajar BM kepada pelajar asing, bahagian artikel ini seterusnya akan membincangkan tentang pembentukan sebuah kerangka pembangunan dan penilaian Modul Belajar-cara-Belajar Bahasa Melayu Pelajar Asing (Modul BCB BM PA). Pembinaan Modul BCB BM PA pada dasarnya memerlukan satu perancangan yang sistematik untuk memastikan modul yang dihasilkan menepati objektif yang telah ditentukan khususnya bagi memenuhi keperluan pengguna sasaran. Bahagian seterusnya akan membincangkan tentang kerangka kajian yang dicadangkan.

KERANGKA PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL

Kerangka ini pada asasnya dibina bagi memastikan Modul BCB BM PA yang dibangunkan dapat dilaksanakan dengan lancar sebagaimana yang dirancang. Langkah-langkah yang telah dikenal pasti terdiri daripada dua komponen utama, iaitu reka bentuk instruksi dan Modul BCB BM PA. Komponen reka bentuk instruksi ialah fasa-fasa yang menunjukkan kaedah atau langkah yang perlu diikuti dalam keseluruhan proses pelaksanaan pembangun dan menilai Modul BCB BM PA. Manakala, komponen Modul BCB BM PA pula ialah komponen yang mengandungi item-item yang menjadi sumber maklumat asas (input) yang diperlukan untuk membina dan menilai Modul BCB BM PA berdasarkan fasa-fasa yang ditetapkan dalam reka bentuk instruksi tersebut. Reka bentuk instruksi dalam kerangka konsepsi diubah suai daripada Model ADDIE (Gagne et al. 2005) yang terdiri daripada lima fasa yang dimulai dengan fasa analisis, reka bentuk, diikuti dengan pembangunan dan pelaksanaan serta penilaian. Berikut ialah perincian tentang fasa-fasa atau langkah-langkah dalam pembangunan dan penilaian Modul BCB BM PA.

Fasa 1: Analisis

Fasa pertama ialah fasa analisis yang menjadi **penentu** kepada pemilihan ‘input’ yang menjadi asas dalam pembangunan Modul BCB BM PA. Fasa ini dijalankan dalam tiga peringkat. Peringkat (i) mengenal pasti sasaran dan keperluan pembangunan modul. Sasaran utama ialah pelajar asing yang belajar bahasa Melayu di IPT dan menjadi pengguna sasaran dan sasaran kedua ialah guru bahasa Melayu kepada pelajar asing di IPT. Pengenalpastian kepada sasaran ini penting kerana modul yang dibangunkan akan digunakan oleh pelajar asing sebagai modul pembelajaran kendiri atau bersama guru yang berperanan sebagai fasilitator. Kedua-dua sasaran tersebut diperlukan bagi menentukan tahap pengetahuan dan tahap penggunaan SPB serta persetujuan mereka tentang keperluan membangun Modul BCB BM PA. Maklumat yang diperoleh daripada peringkat ini digunakan sebagai panduan pembentukan tahap SPB (senang/sederhana/sukar) dalam modul yang dibangunkan serta asas kepada keperluan membangun modul. Peringkat (ii) mengenal pasti SPB pelajar asing cemerlang bahasa (PACB) semasa belajar BM daripada aspek penggunaan dan kekerapannya. Pengenalpastian SPB pelajar ditentukan berdasarkan lima kemahiran berbahasa dalam BM, iaitu mendengar, membaca, bertutur, menulis dan kosa kata. Peringkat ini dijalankan bagi memastikan isi kandungan Modul BCB BM PA yang dibangunkan adalah berdasarkan penggunaan SPB yang diperlukan pelajar asing semasa belajar BM. Penggunaan dan kekerapan SPB PACB dipilih sebagai asas menentukan SPB dalam modul yang dibina berdasarkan analisis literatur mendapat bahawa PCB menggunakan SPB dengan lebih kerap, sedar tentang SPB yang digunakan serta

berkebolehan memilih strategi yang sesuai mengikut tugasan bahasa yang diberikan. Rubin (1975) menegaskan bahawa strategi yang dapat dikenal pasti digunakan pelajar cemerlang boleh diajarkan kepada pelajar lemah dan pelajar cemerlang itu boleh dijadikan rujukan kepada pelajar lain. Dalam peringkat (iii) pula dijalankan analisis keperluan tentang jenis media, bahasa yang digunakan, dan kemahiran bahasa pilihan pelajar. Analisis keperluan daripada aspek ini diperlukan bagi memastikan struktur reka bentuk modul yang dibangunkan dipilih berdasarkan keperluan pelajar atau pengguna sasaran. Dapatan atau maklumat yang diperoleh daripada Fasa 1 dalam peringkat (i), (ii), dan (iii) akan digunakan dalam Fasa 2.

Fasa 2: Reka Bentuk

Fasa kedua ialah reka bentuk. Fasa ini dilaksanakan setelah Fasa 1 selesai dijalankan yang menjadi '**blue print**' atau tulang belakang perancangan dalam proses mereka bentuk modul. Fasa ini melibatkan perincian aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan dalam proses mereka bentuk modul supaya Modul BCB BM PA yang dibangunkan menepati objektif pembelajaran sebagaimana yang diinginkan. Aktiviti-aktiviti utama dalam fasa reka bentuk ini dijalankan berdasarkan tiga aktiviti dengan mengambil kira (i) teori SPB, (ii) model latihan PSPB, dan (iii) teori pembelajaran dewasa (andragogi). Mereka bentuk pengajaran SPB ialah proses yang paling penting dalam reka bentuk modul kerana ia akan menentukan corak pengajaran yang akan dilalui oleh pengguna sasaran. Modul BCB BM PA mengambil kira pendekatan dua teori SPB iaitu, Teori Kognitif dan Teori Kognitif Sosial. Teori-teori ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan SPB dalam pembelajaran bahasa yang dikenali sebagai "belajar-cara-belajar" atau "pengajaran SPB" dan bagaimana SPB itu sewajarnya diajarkan kepada pelajar bahasa. Dalam teori kognitif, teori pemprosesan maklumat (Gagne 1985) dan dalam teori kognitif sosial, teori kognitif sosial Bandura (1986), dan teori kognitif sosial Vygotsky (1962; 1968) digunakan. Kedua-dua teori kognitif dan teori kognitif sosial diaplikasikan dalam mereka bentuk PSPB untuk memperjelaskan bagaimana SPB berlaku hasil daripada (i) penumpuan kepada proses mental pelajar semasa mengakses, memperoleh, memproses dan menggunakan semula pengetahuan atau maklumat yang dipelajari, serta (ii) penekanan kepada peranan interaksi di antara individu atau kumpulan dan peranan model atau guru/fasilitator dalam proses pembelajaran pelajar.

Dalam mereka bentuk model latihan PSPB pula, turutan/aktiviti pembelajaran adalah berdasarkan ubahsuai tiga model latihan PSPB (Chamot & O'Malley 1994; Oxford 1990; Macaro 2001). Ubahsuai ketiga-tiga model latihan PSPB ini digunakan dalam mereka bentuk modul sebagai panduan dalam latihan PSPB. Ini bagi memastikan latihan dan aktiviti-aktiviti dijalankan mengikut urutan langkah-langkah PSPB yang betul seperti berikut, iaitu (i) memupuk kesedaran, (ii) menerokai dan mengenal pasti SPB, (iii) tunjuk ajar, (iv) latihan, (v) penilaian (vi) pengembangan, dan (vii) pemantauan. Pemantauan dilakukan dalam setiap aktiviti yang dijalankan bagi memastikan pengajaran dapat dijalankan dengan baik dan menepati matlamat pembelajaran. Oleh kerana model-model PSPB tersebut secara asasnya dibangunkan mengikut kajian-kajian SPB di Barat, pengubahsuai dengan mengambil kira pengaruh sosiobudaya, latar belakang pembelajaran dan status bahasa sasaran (BM) diberi penekanan dalam proses ini (Kamarul Shukri et al. 2009).

Pelajar asing terdiri daripada pelajar dewasa. Oleh itu, dalam mereka bentuk modul ciri teori pembelajaran dewasa (andragogi) dikenal pasti berdasarkan empat prinsip pembelajaran dewasa Knowles (1990) iaitu: (i) orang dewasa perlu tahu mengapa mereka perlu belajar, (ii) orang dewasa belajar melalui pengalaman, (iii) orang dewasa belajar melalui pemasukan masalah, dan (iv) orang dewasa belajar dengan lebih berkesan apabila topik yang diajarkan itu bermakna dan berkaitan dengan kehidupan. Teori pembelajaran dewasa ini secara

umumnya memperjelaskan bahawa pembelajaran adalah satu proses berterusan, bersifat kendiri, dan pengalaman sebagai sumber pembelajaran. Bimbingan dan bantuan daripada guru/fasilitator disediakan apabila diperlukan. Selain itu, dalam fasa reka bentuk ini, penentuan unsur media seperti teks, grafik dan bahan sokongan yang berasaskan strategi pengajaran turut diberikan penekanan. Maklumat yang telah dikenal pasti dalam Fasa 2 ini akan digunakan dalam Fasa 3.

Fasa 3: Pembangunan

Fasa ketiga ialah pembangunan. Fasa ini ‘menterjemahkan’ aktiviti-aktiviti yang ditentukan dalam Fasa 1 dan Fasa 2 kepada prototaip modul supaya lebih mudah untuk difahami. Dalam fasa ini tiga peringkat aktiviti utama dijalankan, iaitu (i) membangunkan modul, (ii) mendapatkan pengesahan pakar-pakar bidang, dan (iii) menyediakan draf prototaip modul. Modul dibangunkan berdasarkan maklumat fasa analisis dalam Fasa 1 dan fasa reka bentuk modul dalam Fasa 2. Setelah itu, modul yang dibangunkan perlu mendapatkan pengesahan pakar-pakar bidang untuk ditentukan keesahannya. Seterusnya, penambahbaikan modul dilakukan dan draf prototaip modul disediakan berdasarkan cadangan dan maklum balas daripada pengesahan pakar-pakar bidang dalam peringkat (ii). Akhirnya prototaip modul yang dibangunkan akan diimplementasikan dalam Fasa 4.

Fasa 4: Pelaksanaan


Fasa keempat ialah pelaksanaan. Dalam fasa ini prototaip modul yang dibangunkan dalam Fasa 3 akan **diimplementasikan** dalam kajian rintis berbentuk bengkel latihan PSPB atau belajar-cara-belajar kepada sekumpulan kecil pengguna sasaran. Bengkel latihan ini akan melatih pengguna sasaran yang dipilih menggunakan prototaip modul yang dibangunkan dalam Fasa 3 dan menilai prototaip modul daripada aspek kesesuaianya mengikut perspektif pengguna sasaran. Kemudian prototaip modul akan dibaiki untuk dinilai sepenuhnya dalam Fasa 5.

Fasa 5: Penilaian

Fasa kelima ialah fasa terakhir. Dalam fasa ini prototaip modul yang dibaiki dalam Fasa 4 akan **dinilai** daripada dua aspek penilaian, iaitu (i) penilaian kebolehgunaan, dan (ii) penilaian kesesuaian. Daripada aspek penilaian kebolehgunaan, tiga pakar akan menilai prototaip modul yang dibangunkan, iaitu (i) pakar reka bentuk modul, (ii) pakar BM, dan (iii) pakar SPB/PSPB. Prototaip modul yang dibangunkan akan dinilai berdasarkan kepakaran bidang pakar-pakar yang dipilih. Manakala, daripada aspek kesesuaian pula, prototaip modul akan dinilai oleh guru/pensyarah bahasa Melayu yang mengajar BM kepada pelajar asing di IPT daripada segi isi kandungan, bahasa yang digunakan, tempoh masa pelaksanaan, kaedah pengajaran, menepati pengguna sasaran dan persepsi menyeluruh tentang prototaip modul yang dibina.

REKA BENTUK INSTRUKSI

MODUL BCB BM PA



Rajah 1 Kerangka pembinaan dan penilaian modul belajar-cara-belajar bahasa Melayu pelajar asing (Modul BCB BM PA) yang diubah suai daripada Model ADDIE (Gagne et al 2005)

Maklum balas daripada kedua-dua aspek penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian akan digunakan untuk menambah baik dan mengubah suai prototaip modul untuk membangunkan Modul BCB BM PA sepenuhnya.

Secara keseluruhan, kerangka ini dibina dalam bentuk kitaran lima fasa yang menghubungkan satu fasa ke satu fasa yang berikutnya. Proses dalam setiap fasa boleh diulang semula sekiranya dapatan yang diperoleh daripada fasa penilaian menunjukkan bahawa modul yang dibangunkan kurang menepati objektif dan matlamat yang telah ditetapkan. Rajah 1 menggambarkan kerangka yang dibincangkan.

KESIMPULAN

Pendidikan BM dalam kalangan pelajar asing di IPT adalah penting untuk memartabatkan BM sebagai bahasa kebangsaan dan perhubungan di Malaysia. Namun begitu, umumnya pelajar asing yang mengikuti kursus BM di IPT berhadapan dengan masalah dan lemah dalam menguasai kemahiran berbahasa Melayu yang dipelajari. Sejakar dengan itu, kajian pembentukan kerangka pembangunan dan penilaian Modul BCB BM PA ini dijangka dapat membantu memperjelaskan kaedah atau metode yang boleh digunakan sebagai alternatif untuk mempertingkatkan strategi dan teknik belajar BM pelajar asing tersebut, khususnya dalam kemahiran berbahasa Melayu secara menyeluruh. Hal ini kerana, SPB didapati berpotensi untuk diaplikasikan secara optimum dalam sistem pendidikan BM yang diajarkan kepada pelajar asing bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif, dinamik dan menyeronokkan

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar 2003 . Pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing: Kaedah dan prinsip. Dlm. Atiah Hj.Mohd Salleh dan Ramlah Muhamad (pnyt.). Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2004. Teras Pendidikan Bahasa Melayu Asas Pegangan Guru. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Awang Sariyan. 2006. Pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing: Matlamat dan pertimbangan strategi. Jurnal Persatuan Linguistik 7: 1-15.
- Bandura, A. 1986. Social Function of Thought and Action: A second cognitive theory. Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Brown, H.D. 2002. Strategies for Success: A Practical Guide for Learning English. New York: Pearson Education.
- Bruen, J. 2001. Strategies for success: Profiling the effective learner of German. Foreign Language Annals 34: 216-225.
- Cohen, A.D. 1999. Strategies in Learning and Using a Second Language. London: Longman.
- Ellis, R. 1994. The Study of Second Language Acquisition. Oxford: Oxford University Press.
- Fa'izah Abd.Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin. 2009. Penyelidikan strategi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar negara. Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-4, UKM-UNRI, CD ROM 259-268. Bangi. Penerbitan Fakulti Pendidikan, UKM.
- Gagne, E.D. 1985. The Cognitive Psychology of School Learning. Boston:Little Brown & Co.

- Gagne. M.G., Wager. W. W. & Keller. M. J. 2005. Principles of Instructional Design. 5th Edition. Los Angeles: Thompson Wadsworth.
- Gusdi Sastra. 2005. Bahasa Melayu penutur bahasa Arab. Dewan Bahasa. April, 30-33.
- Isahak Haron. 1999. Penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu dalam pendidikan tinggi di Malaysia: Cabaran dalam alaf baru. Dewan Bahasa 43 (9): 798-812.
- Juriah Long, Raja Fauzi Raja Musa, Zarin Ismail dan Hamidah Yamat @ Ahmad. 2001. Keperluan pendidikan Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta. Jurnal Pendidikan 26: 21-36.
- Jyh Wee Sew. 2005. Evolusi dan evolusi semula bahasa. Dewan Bahasa. September, 17-21.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. Modul Belajar Cara Belajar. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Pendidikan.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2008. Perangkaan Enrolmen Pelajar Luar Negara IPTA & IPTS 2003-2008,1-6. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. 2010. Strategi Pembelajaran Bahasa. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Zamri Mahamod & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2009. Konseptualisasi model pengajaran strategi pembelajaran bahasa kedua/asing. Proceedings of 2nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning Amongst Non-Native Speakers, Vol 2:511-523.
- Knowles, M.S. 1990. The Adult Learner; A Neglected Species, 4th Edition. Houston, TX: Gulf Publishing.
- Liang, T. 2009. Language learning strategy: Theoretical framework and some suggestions for learner training practice. English Language Teaching 2(4): 199-206.
- Logan, S, & Moore, N. 2004. Implementing learner training from a teacher's perspective. Proceedings of the Independent Learning Conference 2003.
- Macaro, E. 2001. Learning Strategies in Foreign and Second Language Classrooms. London and New York: Continuum.
- Marzalina Mansor. 2005. Stail pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar negara. Desertasi Sarjana. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Metzger, L. 2009. Teaching Malay: A new global approach. Proceedings of 2nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning amongst Non-Native Speakers, Vol 1: 31-39.
- Mohamed Amin Embi.1998. Implikasi pedagogi dapatkan penyelidikan tentang strategi pembelajaran bahasa. Jurnal Pendidikan 23: 89-96.
- Mohamed Amin Embi. 2000. Language Learning Strategies: A Malaysian context. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamot, A.U. & O'Malley. JM. 1994. The CALLA handbook: Implementing the Cognitive Academic Language Learning Approach. New York: Pearson Education.
- O'Malley, J.M. & Chamot, A.U. 1990. Learning Strategies in Second Language Acquisition. Cambridge: Cambridge University Press.

- Oxford, R.L. 1990. Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know. New York: Newbury House.
- Oxford, R.L. 2002. Language learning strategies in a nutshell: Update and ESL suggestions. Dlm. Richard, J.C. & Renandya, W.A. (penyt). Methodology in Language Teaching: An Anthology of Current Practice, hlm. 124-132. Cambridge: Cambridge University Press.
- Pogadev V.A. 2005. Motivasi pembelajaran bahasa asing. Dewan Bahasa. September, 25-29.
- Rivera-Mills, S.V., & Plonsky. L. 2007. Empowering students with language learning strategis: A critical review of current issues. Foreign Language Annals 40(3): 535-548.
- Rubin, J. 1975. What the good language learner can teach us. TESOL Quaterly 9(1):41-51.
- Rusdi Abdullah. 2001. Kecekapan menulis dalam bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Prosiding Seminar Sehari Jabatan Bahasa Melayu & Terjemahan, hlm 65-75.
- Sukatan Pelajaran bahasa kebangsaan dan mata pelajaran wajib institusi pengajian tinggi swasta. 2005. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Lembaga Akreditasi Negara.
- Vygotsky, L.S. 1978. Mind in society: The development of Higher Psychological Processes. Cambridge: Harvard University Press.
- Vygotsky, L.S. 1962. Thought and Language. Cambridge: Harvard University Press.
- Wharton, G. 2000. Language learning strategies use of bilingual foreign language learners in Singapore. Language Learning 50(2).
- Woodrow. L. 2005. The challenge of measuring language learning strategies. Foreign Language Annals 38(1): 90-99.
- Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Corresponding Author : faizaham@ukm.my